

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI  
[ BUKIT BENDERA ]

**TARIKH :** 9.10.2014

**SOALAN :**

Tuan Zairil Khir Johari [ Bukit Bendera ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian program "English Language Proficiency Teaching" yang dijalankan oleh SMRT Holdings Bhd, Prestariang Bhd dan E-Graudate.net Sdn Bhd, termasuk kos yang terlibat dan bagaimana ia memanfaatkan guru yang dilatih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Program English Proficiency Teaching* atau singkatannya ProELT telah dijalankan mulai tahun 2012 kepada 5,000 orang guru Bahasa Inggeris (BI) Kohort 1 yang mendapat B1 dan B2 dalam ujian APTIS. Ujian APTIS merupakan ujian yang diadakan untuk memastikan profisiensi guru BI setelah pentaksiran pertama dijalankan menggunakan Cambridge Placement Test pada Jun 2012. Mulai April tahun 2014, seramai 9,002 guru BI telah mengikuti ProELT Kohort 2. Untuk Kohort 1 dan 2, ProELT telah dikendalikan oleh British Council. Memandangkan masih terdapat guru BI yang masih belum mencapai profisiensi C1 yang dikehendaki tersebut, maka seramai 1,500 guru BI telah dipilih untuk mengikuti ProELT Kohort 3.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberi peluang kepada pengusaha tempatan untuk mengendalikan program ini, dan hanya dua (2) buah syarikat iaitu SMR Holding Sdn. Bhd. dan e-Graudate.net Sdn. Bhd. telah berjaya dan bersetuju untuk mengendalikan program tersebut, manakala Prestariang Sdn. Bhd. telah menarik diri pada saat akhir atas alasan tersendiri. Dapatan ProELT Kohort 1 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam profisiensi guru BI kerana 76.3 peratus guru daripada 5,000 guru BI telah berjaya meningkat sekurang-kurang 1 band.

Berhubung dengan kos bagi melaksanakan program ini, anggaran peruntukan untuk seorang guru adalah sebanyak RM5,000 seorang untuk tempoh masa 480 jam kursus termasuk kos perjalanan, lokasi dan upah tenaga pengajar.

RJM19